

# UPM anjur MIExpo, pameran inovasi baharu

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Sebanyak 100 reka cipta, penyelidikan dan inovasi penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) dan institusi pengajian tinggi (IPT) dipamerkan dalam Ekspo Inovasi Malaysia (MIExpo) 2013 yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini sehingga 28 September ini di UPM, Serdang.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk MIExpo, Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar berkata, ekspo itu adalah untuk mengkomersialkan teknologi UPM kepada industri tempatan mahupun luar negara.

"MIExpo kali ini dilihat sebagai langkah serius kerajaan bagi memastikan produk yang dihasilkan menerusi inovasi penyelidikan tidak terbiar begitu sahaja tanpa sebarang langkah proaktif.

"Justeru, kami akan membentangkan hasil penyelidikan, padanan perniagaan serta berkongsi teknologi dalam industri pertanian supaya dapat melonjakkan lagi jalinan kerjasama antara pihak industri dengan usahawan," katanya ketika ditemui dalam majlis perasmian MIExpo 2013 di UPM dekat sini hari ini.

MIExpo yang bertemakan Inovasi Pertanian dan Jaminan Makanan itu adalah penjenamaan semula pameran dan pertandingan yang dahulunya dikenali sebagai Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) Malaysia.

Mohd. Saleh berkata, penjenamaan semula PRPI itu akan menjadi platform dalam mengumpulkan hasil reka cipta bermula dari peringkat sekolah rendah hingga ke universiti.

"Kepelbagaian hasil penyelidikan dan reka cipta mereka boleh dilihat dan dinilai dalam memberi manfaat kepada masyarakat, seterusnya menembusi pasaran ke peringkat global dan menjana ekonomi," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dalam ucapannya memberitahu, segala usaha itu dipercayai telah dapat melonjakkan UPM sebagai salah sebuah universiti yang unggul di dalam pengkomersialan inovasi sehingga menjadi perintis kepada IPT di Malaysia.